



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	IKAN INVASIF ANCAM PENDAPATAN NELAYAN DARAT TIMAH TASOH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	NELAYAN MOHON BAIK PULIH JALAN RETAK AKIBAT AIR PASANG, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ikan invasif ancam pendapatan nelayan darat Timah Tasoh

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@medianila.com.my

PADANG BESAR: Kehadiran spesies asing invasif (IAS) seperti ikan *peacock bass* dan bongkok di Tasik Timah Tasoh di sini, memberi ancaman serius terhadap ekosistem perikanan serta memberi kesan kepada hasil tangkapan nelayan darat di tasik ber keluasan 1,300 hektar itu.

Tasik Timah Tasoh menjadi habitat kepada pelbagai jenis spesies ikan asli seperti lampam sungai, temperas, terbul, ketutu, patung, belida serta udang galah dan ia menjadi sumber rezeki nelayan darat.

Timbalan Pengerusi Persatuan Nelayan Darat Perlis, Abd. Azhar Abd. Aziz, 37, berkata, tasik berkenaan menjadi nadi penting buat golongan nelayan darat di negeri ini dalam meraih sumber pendapatan harian sejak bertahun lalu. Katanya, tindakan pihak tidak

bertanggungjawab sengaja membuang IAS ke dalam tasik tersebut menyebabkan berlakunya pembiakan yang cukup ketara.



ABD. AZHAR ABD. AZIZ menunjukkan ikan belida yang ditangkap di Tasik Timah Tasoh, Perlis. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

mengawasinya.

"Disebabkan permasalahan ini, pendapatan nelayan terjejas dan sebagai contoh, sebelum ini kami boleh dapat RM100 sehari, tapi sekarang nak dapat RM50 ke RM60 pun teruk," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Abd. Azhar, spesies tempatan seperti ikan toman dari Pahang pada masa ini turut menjadi ancaman utama di tasik berkenaan berikutan kemampuannya membiak yang boleh mengatasi IAS lain.

"Kalau ikan *peacock bass* contohnya, ia hanya makan anak-anak ikan sahaja, tapi toman akan makan ikan-ikan besar yang dalam masa sama turut menjelaskan hasil tangkapan nelayan darat. Ancaman ikan-ikan asing ini jika ia masih berterusan menyebabkan hasil nelayan darat di tasik ini akan terjejas teruk," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pe-

rikanan negeri, Mohammed Ros-haizat Mustaffa berkata, kewujudan IAS sememangnya menjadi ancaman berikutan kebanyakannya daripadanya adalah pemangsa yang memakan telur, larva dan ikan kecil secara tidak langsung menyebabkan penurunan populasi ikan asli secara drastik.

"Situasi itu mendorong kepada gangguan terhadap rantaian makanan semula jadi dan menyebabkan kepupusan spesies lain. IAS mempunyai gaya pemakanan lebih agresif dan dominan yang akan mengganggu habitat ikan asli di tasik itu," katanya.

Mohammed Roshaizat berkata, Jabatan Perikanan sentiasa memberikan penekanan serius dalam pengurusan pemuliharaan sumber perikanan darat.

"Antara langkah dijalankan melaksanakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum. Tahun lalu, sebanyak 315,000 benih ikan telah dilepaskan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Nelayan mohon baik pulih jalan retak akibat air pasang

PORT DICKSON – Kejadian ombak besar dan air pasang setinggi kira-kira tiga meter yang melanda pesisir Kampung Kuala Lukut, Chuah berhampiran Jeti Kelong Mahmud kelmarin, mengakibatkan jalan utama ke kawasan nelayan dan pelancongan itu rosak.

Kejadian kira-kira pukul 6.30 pagi itu, turut menyebabkan batu-batu di sekitar jeti naik ke permukaan jalan selain laluan utama ke kawasan berkenaan pecah dan mendap sekali gus membimbangkan penduduk.

Penduduk, Mohd Azrul Johari, 38, berkata, dia terdengar bunyi kuat sebelum keluar untuk memeriksa keadaan dan mendapati jalan retak dan sebahagiannya mendap.

"Saya tinggal di sini sejak kecil, lebih 30 tahun. Ini kali pertama jalan rosak seteruk ini. Jalan itu juga laluan utama ke Jeti Kelong Mahmud, lokasi memancing popular yang sering dikunjungi pelancong luar

"Harapan kami supaya pihak berkuasa dapatbaiki jalan ini

secepat mungkin," katanya ketika ditemui di Kampung Kuala Lukut di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Chuah, Khairul Nizam Khairudin berkata, kawasan berkenaan merupakan tanah milik individu dan sebarang kerja baik pulih perlu melalui rundingan dengan pemilik tanah.

"Ini tahun kedua kami memohon kerja baik pulih menyeluruh. Kali terakhir turapan dilakukan pada 2014 termasuk pemasangan batu sangkar, namun setiap kali fenomena air pasang besar berlaku, kerosakan berulang. Dawai sangkar yang terdedah kepada air masin juga mudah berkarat," katanya.

Katanya, kerja-kerja penambahbaikan dan pembinaan semula struktur tebatan ombak baharu sepanjang 100 meter serta baik pulih jalan sepanjang 150 meter akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan kerajaan negeri.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chuah, Yew Boon Lye (dua dari kiri) melihat keadaan jalan yang rosak di kawasan pesisir Kampung Kuala Lukut, Chuah di Port Dickson semalam.